



Delivering
Sustainable
Futures

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Serta-Merta
(Rabu, 21 Februari 2024)

Sime Darby Berhad Catat Untung Bersih S2 TK2024 Berjumlah RM2.3 Bilion

Sumbangan Besar daripada Pelupusan Perniagaan Penjagaan Kesihatan

Petaling Jaya, 21 Februari 2024 – Sime Darby Berhad melaporkan untung bersih sebanyak RM2.3 bilion bagi suku kedua berakhir 31 Disember 2023 (S2 TK2024). Hasil Kumpulan bagi suku kedua tersebut adalah 37.7 peratus lebih tinggi iaitu sebanyak RM15.5 bilion, berbanding RM11.3 bilion pada S2 TK2023.

Peningkatan ketara dalam untung bersih ini sebahagian besar didorong oleh keuntungan RM2.0 bilion yang diraih daripada pelupusan Ramsay Sime Darby Health Care (RSDH) pada Disember 2023. Untung bersih teras bagi suku tahun yang dilaporkan, tidak merangkumi keuntungan atas pelupusan, adalah sebanyak RM269 juta, yang merupakan kenaikan sebanyak 7.2 peratus berbanding suku kedua tahun sebelumnya.

“Kami mengalami suku kedua yang sangat produktif. Kami mengumumkan penyempurnaan jualan RSDH dan keluar sepenuhnya daripada perniagaan penjagaan kesihatan. Ini akan membolehkan kami memberi tumpuan penuh kepada dua perniagaan teras kami iaitu Perindustrian dan Automotif.

“Kami juga telah menyempurnakan pemerolehan UMW. Kami sangat teruja kerana menerusi pemerolehan ini, kami akan menambah dua jenama pasaran umum yang terkemuka – Toyota dan Perodua – ke dalam portfolio kami. Ini akan membantu Kumpulan meluaskan pendapatan dan menjana lebih banyak nilai.

“Kami sedang berusaha untuk memastikan kelancaran penyepadan UMW ke dalam keluarga Sime Darby,” kata Dato’ Jeffri Salim Davidson, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad.

Pada suku kedua yang dilaporkan, bahagian Perindustrian mencatatkan kenaikan sebanyak 56.7 peratus bagi untung sebelum faedah dan cukai (PBIT), kepada RM351 juta. Angka ini dipacu terutamanya oleh operasi bahagian ini di Australasia, yang mencatatkan kenaikan untung hasil daripada khidmat sokongan produk yang lebih tinggi serta hasil penjualan peralatan baharu. Prestasi ini jugak disokong oleh sumbangan untung daripada syarikat-syarikat baharu yang diperolehi Kumpulan; Onsite Rental Group (Onsite) dan Cavpower Group (Cavpower).

Secara keseluruhan PBIT bagi bahagian Automotif meningkat sebanyak 27.2 peratus kepada RM192 juta bagi suku tahun semasa, dipacu oleh operasi Malaysia yang mencatatkan lonjakan dalam PBIT sebanyak 84.3 peratus, iaitu daripada RM70 juta kepada RM129 juta. Sementara itu, PBIT bagi operasi Singapura meningkat sebanyak 87.5 peratus, disokong oleh peningkatan permintaan bagi kenderaan elektrik.

Prestasi kukuh operasi Malaysia dan Singapura membantu menampung kesan margin kenderaan yang rendah dari operasi bahagian di Tanah Besar China.

"Secara keseluruhan, perniagaan kami mencatatkan prestasi yang mantap. Bagi bahagian Perindustrian, kami menyaksikan pulangan yang memberansangkan daripada pemerolehan Onsite dan Cavpower baru-baru ini, yang menyumbang kepada pertumbuhan bahagian pada suku tahun yang dilaporkan. Kami yakin bahawa peningkatan untung daripada operasi Australasia akan memperkuatkan lagi perniagaan Perindustrian dan terus memberikan sumbangan positif kepada pendapatan Kumpulan," rumus Dato' Jeffri.

Untuk tempoh enam bulan pertama TK2024, Kumpulan mencatatkan untung bersih lebih tinggi berjumlah RM2.9 bilion.

Sime Darby Berhad telah mengumumkan dividen interim sebanyak 3 sen sesaham bagi separuh pertama TK2024.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Cavina Lim

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60125944559

E-mel: cavina.lim.aili@simedarby.com

Mengenai Sime Darby Berhad

Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Automotif. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecermerlangan operasi, piawai prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai tenaga kerja kira-kira 20,000 kakitangan dan kehadiran di 17 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM17.93 billion (USD3.74 billion) setakat pada 20 Februari 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarby.com